

SISTEM PERUNDANGAN ISLAM DALAM PERSPEKTIF KONSEPTUAL: ANALISIS TERHADAP FIQH, SYARIAH, QANUN DAN 'URF

THE ISLAMIC LEGAL SYSTEM FROM A CONCEPTUAL PERSPECTIVE: AN ANALYSIS OF FIQH, SHARIAH, QANUN AND 'URF

Noranizah Yusuf¹,
Saimi Bujang^{2*}

¹Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Sarawak Branch, Samarahan Campus, Malaysia.
(E-mail: noranizah977@uitm.edu.my)

²Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), UiTM Sarawak Branch, Samarahan Campus, Malaysia.
(E-mail: saimi496@uitm.edu.my)

Article history

Received date : 19-6-2025
Revised date : 20-6-2025
Accepted date : 25-7-2025
Published date : 15-8-2025

To cite this document:

Yusuf, Noranizah. & Bujang, Saimi. (2025).
Sistem Perundangan Islam dalam Perspektif
Konseptual: Analisis Terhadap Fiqh, Syariah, Qanun
dan 'Urf. *Journal of Islamic, Social, Economics and
Development (JISED)* 10 (74), 10 (75), 490 – 504.

Abstrak: Perundangan Islam merupakan sistem hukum yang berasaskan wahyu Ilahi dan bersifat menyeluruh, meliputi aspek ibadah, muamalah, kekeluargaan, jenayah dan nilai-nilai kemasyarakatan. Namun, dalam era moden, berlaku kekeliruan terhadap istilah fiqh, syariah, qanun dan 'urf yang sering digunakan secara bergantian tanpa memahami perbezaan epistemologi dan aplikasinya. Kekeliruan ini menjejaskan kefahaman terhadap prinsip asas perundangan Islam serta pelaksanaannya dalam sistem perundangan negara. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis secara konseptual kedudukan dan hubungan antara empat komponen utama dalam tradisi perundangan Islam iaitu fiqh, syariah, qanun dan 'urf dalam kerangka Maqasid Syariah. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan dokumen secara kualitatif berdasarkan rujukan kontemporari dan sumber akademik semasa.. Hasil kajian mendapati bahawa fiqh merupakan produk ijtihad manusia yang dinamik dan berfungsi sebagai mekanisme pelaksanaan syariah; syariah pula bersifat tetap dan menjadi asas wahyu yang tidak berubah; qanun berperanan sebagai kodifikasi hukum bagi tujuan pentadbiran dan penguatkuasaan; manakala 'urf memainkan peranan pelengkap sebagai amalan masyarakat yang selari dengan prinsip Islam. Keempat-empat unsur ini membentuk satu sistem perundangan Islam yang bersepadu dan responsif terhadap realiti semasa. Perbincangan dalam artikel ini menegaskan bahawa pemahaman yang jelas terhadap peranan dan batasan setiap konsep adalah penting untuk memastikan hukum Islam sentiasa berorientasikan nilai dan maslahat. Maqasid Syariah menjadi tonggak utama dalam memastikan kesemua unsur ini bergerak dalam kerangka keadilan dan kesejahteraan umat. Kajian ini menyumbang kepada pengukuhan teori perundangan Islam dalam konteks kontemporari yang kompleks dan pelbagai.

Kata kunci: Konsep Perundangan Islam, Maqasid Syariah, Teori Hukum Islam

Abstract: *Islamic law is a divine revealed and comprehensive legal system encompassing acts of worship (ibadah), financial transactions (muamalah), family law, criminal justice, and social and ethical norms. In the modern era, however, there is growing confusion over the terms fiqh, shariah, qanun, and 'urf, which are often used interchangeably without a clear understanding of their epistemological distinctions and practical applications. This confusion compromises a proper understanding of the foundational principles of Islamic law and its implementation in contemporary legal systems. This study aims to conceptually examine the position and interrelationships of four fundamental components of the Islamic legal tradition such as fiqh, shariah, qanun, and 'urf within the framework of Maqasid al-Shariah (the higher objectives of Islamic law). Employing a qualitative content analysis approach, the study draws exclusively on contemporary sources and other current academic writings. The findings indicate that fiqh is a dynamic product of human ijtihad and serves as a mechanism for the practical implementation of shariah; shariah itself is divine, fixed, and immutable; qanun functions as a codified legal instrument for governance and enforcement; while 'urf serves as a complementary source grounded in culturally accepted practices consistent with Islamic principles. Together, these components constitute an integrated and adaptive legal framework responsive to contemporary realities. This article contends that a clear understanding of the roles and limits of each concept is essential to ensure that Islamic law remains value-based and oriented toward public welfare (maslahah). Maqasid al-Shariah stands as a central guiding principle, ensuring that all legal structures uphold justice and the well-being of the ummah. This study contributes to reinforcing Islamic legal theory in an increasingly complex and pluralistic world.*

Keywords: *Islamic law concept, Islamic legal theory, maqasid al-shariah*

Pengenalan

Perundangan Islam merupakan sistem hukum yang bukan sahaja bertujuan mengatur tingkah laku manusia tetapi juga menjamin kesejahteraan rohani dan jasmani individu serta masyarakat. Berbeza dengan sistem undang-undang konvensional yang sering terpisah daripada nilai-nilai ketuhanan, perundangan Islam berpaksikan kepada wahyu Ilahi dan bersifat menyeluruh (syumul), mencakupi aspek akidah, ibadah, muamalah, munakahat, jinayat dan akhlak. Dalam konteks kontemporari, wacana mengenai perundangan Islam sering dipolemikkan khususnya berkenaan istilah seperti fiqh, syariah, qanun dan 'urf, yang masing-masing membawa makna tersendiri namun saling berkait dalam membentuk struktur perundangan yang mantap.

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis konsep-konsep utama dalam teori perundangan Islam dengan menelusuri perbezaan dan hubungan antara fiqh, syariah, qanun dan 'urf serta menilai kesemua konsep ini dalam kerangka Maqasid Syariah. Dengan menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk analisis dokumen dan interpretatif terhadap teks klasik dan kontemporari, artikel ini membina satu pemahaman holistik terhadap kedudukan dan fungsi sistem perundangan Islam dalam merangka keadilan dan kemaslahatan sejagat.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah analisis kandungan dokumen untuk meneliti secara konseptual kedudukan serta hubungan antara empat komponen utama dalam sistem perundangan Islam, iaitu fiqh, syariah, qanun, dan 'urf, dalam kerangka Maqasid Syariah. Reka bentuk kajian ini bersifat tidak empirik dan lebih menumpukan kepada penghuraian serta penilaian teori dan konsep berdasarkan data sekunder. Sumber data terdiri

daripada pelbagai karya ilmiah kontemporari seperti buku, artikel jurnal akademik, dan laporan kajian yang berkaitan dengan perundangan Islam dan maqasid. Pemilihan data tertumpu kepada bahan-bahan terbitan semasa yang dapat menggambarkan pendekatan dan kefahaman mutakhir terhadap sistem perundangan Islam, terutamanya dalam konteks moden.

Kaedah analisis tema digunakan untuk mengenal pasti pola, konsep utama, dan hubungan antara istilah yang dikaji. Fokus diberikan kepada bagaimana keempat-empat konsep tersebut saling melengkapi dalam membentuk satu sistem perundangan Islam yang menyeluruh, fleksibel dan relevan dengan realiti semasa. Selain itu, analisis turut menilai bagaimana Maqasid Syariah berfungsi sebagai asas nilai dalam memastikan pelaksanaan hukum Islam kekal menjurus kepada keadilan dan kemaslahatan. Kaedah analisis kandungan ini dipilih kerana ia membolehkan penilaian yang mendalam terhadap hujah, takrif dan kerangka pemikiran yang telah dibina oleh sarjana dalam wacana kontemporari, tanpa memerlukan pengumpulan data lapangan. Pendekatan ini sesuai untuk kajian berbentuk konseptual yang bertujuan memperkukuh pemahaman terhadap asas teori dan aplikasi perundangan Islam dalam konteks semasa.

Takrif dan Asas Perundangan Islam

Manusia merupakan makhluk sosial yang saling berinteraksi antara satu sama lain. Hubungan tersebut tidak sempurna tanpa peraturan atau undang-undang. Sejarah membuktikan bahawa manusia sering menggunakan akal untuk membuat peraturan dan hukum untuk menyusun kehidupan mereka. Namun, kerana pengaruh nafsu manusia yang mengarah kepada kelemahan dan sifat akal manusia yang terbatas maka peraturan dan hukum yang di buat memiliki banyak kekurangan dan kelemahan. Undang-undang manusia wujud atas dasar keperluan semasa manakala undang-undang Allah S.W.T adalah jaminan keadilan yang pasti sebagaimana firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya) dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa mendengar, lagi sentiasa melihat.

(al-Nisa': 58)

Ulama Islam kontemporari, Yusuf al-Qardhawi menjelaskan perundangan Islam sebagai himpunan ketetapan daripada Allah S.W.T yang merangkumi *ahkam*, yang terdiri dari perintah, peraturan, undang-undang dan hukuman, yang boleh jadi umum atau khusus. Syariah juga merupakan kumpulan lengkap peraturan Allah S.W.T yang melibatkan segala perintah yang harus dipatuhi dan larangan yang harus dielakkan. Tujuan utama hukum Islam adalah untuk memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan dalam kehidupan manusia di dunia dan akhirat. Hukum ini tidak terbatas pada serangkaian perintah dan larangan, tetapi merangkumi semua aspek kehidupan manusia yang harus dijalankan. Ia juga termasuk prinsip-prinsip moral yang mulia, etika dan undang-undang moral yang merupakan sebahagian integral dari kehidupan sehari-hari (Hassan, 2019).

Sejajar itu, perundangan Islam mempunyai perbezaan dengan beberapa teori undang-undang moden Barat seperti teori positivisme Hart yang menyatakan bahawa undang-undang bersifat bebas dan tidak terikat dengan nilai moral. Namun, dalam penjelasannya yang lain Hart telah mengakui bahawa nilai-nilai moral merupakan komponen dasar yang tidak boleh dipisahkan dari undang-undang. Ini menunjukkan bahawa walaupun teori positivisme cenderung memisahkan undang-undang dari moral, Hart mengakui bahawa terdapat perkaitan minimum antara keduanya yang perlu dipertimbangkan (Tanya, 2015).

Umat Islam bukan sahaja patuh kepada undang-undang yang telah ditetapkan Allah S.W.T tetapi dalam masa yang sama mereka memenuhi nilai moral dan etika seperti nilai ketaatan dan kepatuhan kepada Allah S.W.T, Rasulullah S.A.W dan pemimpin yang baik, nilai keadilan, nilai kesederhanaan (*wasatiyyah*), nilai ketakwaan dan ihsan, nilai penyucian jiwa (*tazkiyyah*) dan ihsan (Hassan, 2019). Undang-undang Islam juga berperanan sebagai panduan kepada umat manusia untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah di muka bumi.

Undang-undang Islam juga merupakan sesuatu yang bersifat fleksibel (*murunah*) dan berkembang mengikut keperluan serta kemajuan semasa yang dicapai dalam sesebuah masyarakat (Man, 2022; Auda, 2022). Selagi mana sesuatu perkara itu tidak menyalahi prinsip asas dalam al-Quran dan al-Sunnah serta membawa kemaslahatan kepada masyarakat Islam, perkara tersebut diiktiraf disisi Islam. Ini berdasarkan kepada kaedah fiqh yang menyatakan bahawa hukum sesuatu berubah dengan perubahan masa, keadaan dan tempat. Dalam erti kata lain, syariat Islam bersifat tetap pada perkara-perkara usul dan bersifat fleksibel pada perkara-perkara *furu'* (cabang) yang banyak melibatkan persoalan-persoalan semasa dalam pelbagai dimensi kehidupan manusia (al-Qardhawi, 1990; Man, 2022). Perkara ini sangat jelas apabila kita melihat kepada perkembangan yang berlaku dalam mazhab Fiqh Syafi'i dengan adanya *qawl qadim* dan *qawl jadid*. Dalam konteks *ad-din*, syariah menggariskan panduan bagi mengatur urusan individu mukallaf dan urusan kemasyarakatan (Yaacob, 2009).

Istilah "undang-undang" dalam pengertian moden membawa maksud satu set peraturan yang ditetapkan oleh autoriti yang berkuasa dan mesti dipatuhi oleh warga negara. Dalam konteks Malaysia, definisi ini merangkumi sistem perundangan berasaskan common law dan sistem syariah. Namun begitu, perundangan Islam memiliki ciri yang unik kerana ia berasaskan wahyu Ilahi dan meliputi panduan hidup yang bersifat kekal dan sejagat. Kamus Dewan mendefinisikan undang-undang sebagai "peraturan yang digubal oleh kerajaan yang mesti dipatuhi oleh rakyat," manakala *Dictionary of Law* mentakrifkannya sebagai "peraturan yang mengawal tingkah laku masyarakat dan dikuatkuasakan oleh badan berkuasa."

Menurut Kamarudin (2015), undang-undang bukan sekadar peraturan tetapi juga panduan bertingkah laku yang disandarkan kepada prinsip moral dan hukuman terhadap pelanggarannya. Dalam kerangka Islam, undang-undang ini merangkumi sistem nilai dan prinsip syariah yang menjamin keadilan dan kesejahteraan manusia. Yusuf al-Qardhawi menjelaskan bahawa perundangan Islam merupakan himpunan ketetapan Allah S.W.T. yang menyentuh segala aspek kehidupan, bertujuan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ini menjadikan perundangan Islam bukan sekadar sistem legalistik, tetapi juga sistem kehidupan (*nizam al-hayah*).

Perundangan Islam bukan sekadar peraturan atau norma-norma hukum yang telah dijadikan undang-undang seperti yang terkandung dalam enakmen- enakmen atau akta-akta yang diimplementasikan di mahkamah. Perundangan Islam dalam konteks Islam yang sebenar adalah

disebut sebagai syariah yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi rujukan para *fuqaha* dalam membentuk hukum Islam yang akhirnya melahirkan hukum baru dalam bentuk *ijmak*, *qiyas*, *al-maslahah* dan sebagainya (Deuraseh, 2000). Ia juga difahami sebagai satu sistem peraturan hidup yang berteraskan kepada undang-undang yang ditetapkan oleh Allah S.W.T dan undang-undang yang ditetapkan oleh manusia dalam kalangan mujtahid.

Selain itu, perundangan Islam juga merupakan satu sistem perundangan yang matlamatnya adalah untuk mencapai asas kemaslahatan dalam kehidupan yang bersumberkan ketetapan oleh Allah S.W.T dan Rasul-Nya S.A.W (Jusoh et al., 2017). Implementasinya adalah menurut kesesuaian dan kemaslahatan semasa melalui mekanisme *ijtihad* dan *ijmak* yang merupakan sebahagian daripada elemen pembentukan syariah Islam yang luas (Awdah, t.th). Bagi memahami kajian ini dengan lebih mendalam, adalah mustahak untuk dijelaskan definisi dan konsep perundangan Islam. Dalam literatur barat, istilah 'Islamic Law' kerap digunakan untuk merujuk kepada sistem perundangan Islam yang mewakili berbagai elemen perundangan Islam dalam bahasa Arab yang disebut sebagai *fiqh*, *shari'ah*, *qanun* dan *'urf* (Auda, 2022).

Fiqh sebagai Ilmu Kefahaman Hukum Amali

Perkataan *fiqh* seringkali digunakan dalam berbagai konteks menerusi kedua-dua sumber perundangan Islam iaitu al-Quran dan al-Hadith yang merujuk kepada mempunyai kefahaman dan ilmu terhadap sesuatu (Man, 2022; Auda, 2022). Al-Nadwi (1998) mendefinisikan terminologi *fiqh* sebagai memahami dan mengetahui secara terperinci tentang sesuatu, lazimnya dalam ilmu agama kerana agama adalah dasar dan tunjang bagi setiap ilmu. Perkataan *fiqh* dapat dilihat dalam beberapa petikan ayat al-Quran seperti dalam Surah at-Taubah, Allah berfirman:

رَضُوا أَنْ يَكُونُوا مَعَ الْخَوَالِفِ وَطُبِعَ عَلَى قُلُوبِهِمْ فَهُمْ لَا يَفْقَهُونَ

Maksudnya:

Mereka suka tinggal bersama-sama orang-orang yang ditinggalkan (kerana uzur) dan (dengan sebab itu) hati mereka dimeteraikan atasnya, sehingga mereka tidak dapat memahami sesuatu.

(at-Taubah: 87)

Menurut al-Baydawi (1969) pula, *fiqh* bermaksud ilmu berkenaan hukum- hakam syarak yang bersifat amali atau praktikal yang diambil dari dalil-dalil *tafsili* (bersifat *juz'i*). Melalui dalil tersebut dijelaskan segala hukum yang berkaitan dengan perbuatan mukallaf mengenai perkara yang diharuskan dan dilarang meliputi aspek halal, haram, fardhu, sunat, harus, makruh, syarat-syarat yang wajib dipenuhi untuk mengesahkan ibadat dan perkara-perkara yang mendatangkan keburukan. Manakala menurut Ibn Nujaym (1997), *fiqh* adalah ilmu pengetahuan hukum atau syariat dan orang yang mendalami ilmu *fiqh* dikenali sebagai *al-faqih* atau pakar *fiqh*.

Sepanjang sejarah perkembangan hukum Islam, konsep *fiqh* telah mengalami beberapa perubahan dalam penggunaannya. Pada zaman awal Islam, *fiqh* secara umumnya merujuk kepada pemahaman tentang syariat Islam yang mencakupi segala aspek seperti *i'tiqadiyyah* (akidah), *amaliyyah* (praktikal) dan *akhlaqiyyah* (akhlak) (Ab Majid, 1988; Nurhayati, 2018; Man, 2022). Namun, apabila disiplin ilmu Islam semakin berkembang dengan munculnya pelbagai bidang ilmu baru seperti ilmu kalam, tauhid, tasawuf dan sebagainya, penggunaan istilah *fiqh* lebih terfokus pada aspek hukum-hukum amali bagi mukallaf yang diambil daripada dalil-dalil yang terperinci (*al- 'ilmu bi al-ahkam al-shar'iiyyah al-amaliyyah min adillatiha al-*

tafsiliyyah) (Ab Majid, 1988; Man, 2022; Auda, 2022). Kesannya, setelah berakhirnya zaman ijtihad empat mazhab, istilah *fiqh* sering digunakan dengan maksud ilmu berkenaan hukum-hakam syarak yang bersifat amali bukan perkara yang bersifat *i'tiqadiyyah* (Auda, 2022).

Syariah sebagai Jalan Hidup Rabbaniyah yang Sempurna

Seterusnya istilah syariah yang merupakan entiti yang tidak dapat dipisahkan dengan perundangan Islam. Pematuhan masyarakat Islam terhadap syariah merupakan manifestasi ketundukan dan kepatuhan terhadap Allah S.W.T. Syariah berteraskan kepada wahyu Allah S.W.T yang tidak mempunyai sebarang kelemahan dan bersifat dengan segala sifat kesempurnaan. Allah S.W.T sebagai pencipta manusia tentunya mengetahui kelemahan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah S.W.T dan menyediakan undang-undang yang tepat dengan fitrah kejadian manusia (Zakaria & Nasohah, 2019). Manusia memerlukan panduan bagi melaksanakan tujuan penciptaannya sebagai khalifah di muka bumi sebaik-baiknya.

Syariah juga merupakan tasawwur hidup yang bersifat seimbang dan sepadu diturunkan oleh Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W. Istilah syariah telah digunakan oleh masyarakat Arab sebelum pengutusan Nabi Muhammad S.A.W dan penurunan al-Quran (Muhammed & Ali, 2017; Nurhayati, 2018). Syariah berasal daripada perkataan Arab '*shara'a*' yang bermaksud jalan ke tempat pengambilan air atau jalan yang harus diikuti (al-Manzur, 2003). Dalam al-Quran perkataan syariah disebut sebanyak satu kali sebagaimana firman Allah S.W.T:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيعَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ

Maksudnya:

Kemudian Kmi jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.

(al-Jathiyah: 18)

Syariah dalam konteks ayat ini diertikan dengan jalan yang benar (Muhammed & Ali, 2017). Istilah ini kemudiannya dikembangkan oleh para ulama sebagai terminologi syariah Islam sebagaimana yang kita fahami sekarang (Muhammed & Ali, 2017). Hassan (2015) yang telah melakukan kajian ke atas karya-karya tafsir ulama terdahulu seperti al-Tabari (*Tafsir Jami' al-Bayan*), Abd al-Rahman al-Sa'di (*al-Tafsir al-Karim al-Rahman fi Tafsir Kalam al-Manan*), al-Shawkani (*Fath al-Qadir*) dan Mutawwali al-Sha'rawi (*Tafsir Khawatir*) menyenaraikan maksud syariah iaitu pertama, syariah adalah syariah merupakan kewajipan agama (*al-fara'id*) dan ketuhanan, had yang ditetapkan (*al-hudud*), perintah (*al-amr*) serta larangan (*al-nahy*) yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dengan jelas untuk diikuti oleh manusia. Terdapat juga kajian yang menyamakan *al-shariah* dengan *ad-din* yang bermaksud agama iaitu penyerahan sepenuhnya kepada Tuhan yang Maha Esa.

Kedua, syariah adalah jalan yang sempurna (*al-syariah al-kamilah*) yang menyeru manusia kepada perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran serta manusia yang mengikutinya akan memperoleh kebahagiaan yang abadi (*al-sa'adah al-'abadiyyah*), kebenaran (*al-salah*) dan kesejahteraan di dunia dan di akhirat (*al-falah*). Ketiga, syariah adalah segala yang telah ditetapkan oleh Allah S.W.T dalam agama Islam (*ad-din*) untuk diikuti oleh hamba-hambanya. Manakala yang terakhir, syariah diumpamakan seperti jalan yang membawa kepada sumber air, simbol dari asal-usul kehidupan.

Berdasarkan analisis Md. Ali et al. (2022) pula, definisi bahasa dan istilah syariah ini tidak bertentangan dan dapat difahami dengan jelas melalui konteks perbahasannya. Penggunaan istilah syariah sebagai metafora untuk jalan yang lurus sesuai dengan perundangan Islam yang bertujuan untuk mengarahkan manusia kepada jalan yang benar tanpa penyimpangan. Begitu juga simbolisme syariah sebagai sumber air yang menjelaskan peranannya sebagai asas yang penting dalam kehidupan manusia kerana air merupakan keperluan utama manusia dalam meneruskan kelangsungan hidup manakala syariah pula adalah keperluan utama untuk kesejahteraan dan keharmonian hidup manusia.

Ibn Qayyim al-Jawziyyah pula menghuraikan bahawa asas kepada syariah adalah kekuasaan hukum (*al-hukm*) dan kesejahteraan hamba-Nya (*masalih al-'ibad*) dalam kehidupan dunia dan akhirat. Syariah merangkumi prinsip-prinsip keadilan (*al-'adl*), kebijaksanaan (*al-hikmah*), kasih sayang (*rahmah*) dan kesejahteraan (*maslahah*) bagi individu dan masyarakat. Oleh itu, segala yang membawa manusia dari keadilan ke kezaliman, dari rahmat ke kekejaman, dari kebaikan ke kerosakan atau penyelewengan dan dari hikmah ke kebodohan tidak dianggap sebagai bahagian dari syariah. Huraian ini disokong oleh Auda (2022) yang menyatakan bahawa kepatuhan terhadap syariah mampu membawa manusia menuju kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Syariah juga bersifat *syumul* dan komprehensif iaitu mengatur segala aspek kehidupan manusia supaya manusia dapat hidup secara harmoni dan memberi jaminan keadilan sosial dalam kehidupan bermasyarakat.

Seterusnya, syariah juga merupakan salah satu elemen penting dalam kehidupan rabbaniyah yang lebih terfokus kepada aspek '*amaliyah* (praktikaliti) berbeza dengan akidah dan akhlak. Syariah meliputi skop yang luas seperti *ibadah*, *muamalah*, *jinayah* dan *munakahat*. Namun, ini tidak bermaksud bahawa syariah terpisah daripada elemen *rabbani* (ketuhanan) yang lain kerana semua elemen-elemen tersebut seperti akidah, akhlak, dakwah perlu seiring bagi memastikan manusia dapat mencapai matlamat kehidupan iaitu kemaslahatan (Jusoh et al. 2017; Jusoh et al., 2018). Hal ini termaktub dalam firman Allah S.W.T:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَافَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ ۚ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

Maksudnya:

Wahai orang yang beriman masuklah kamu ke dalam Islam secara keseluruhannya dan janganlah kamu turuti jejak syaitan, sesungguhnya syaitan itu musuh yang nyata bagimu.

(al-Baqarah: 208)

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan maksud yang ketara antara *fiqh* dan syariah. Ini bertepatan dengan kajian Auda (2022) yang menegaskan bahawa terdapat perbezaan dari segi teori tentang maksud *fiqh* dan syariah. *Fiqh* adalah cara manusia memikirkan dan memahami hukum Islam yang melibatkan pemikiran atau proses manusia berfikir manakala syariah adalah bahagian hukum Islam yang datang dari Tuhan. Istilah *faqih* yang digunakan untuk manusia dengan maksud kefahaman (*fahm*), persepsi (*tasawwur*) dan kognitif (*idrak*) yang bertentangan sekali dengan segala sifat kesempurnaan yang dimiliki oleh Allah S.W.T berbanding manusia. Walaupun secara umumnya istilah *fiqh* diterima sebagai pemahaman *fuqaha* mengenai syariah namun pemahaman tersebut bersifat berubah-ubah kerana melibatkan tafsiran intelektual manusia. Sebaliknya, syariah sendiri tetap dan tidak berubah kerana ia berasal dari wahyu Allah S.W.T yang kekal yang termaktub dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Fiqh yang dinamik dan fleksibel ini tetap berlandaskan prinsip-prinsip dasar syarak. Para ulama, mufti dan kadi harus menguasai fiqh dengan baik untuk dapat membuat keputusan hukum yang tepat, sementara masyarakat umum juga perlu memahami fiqh dengan baik untuk menjalankan kehidupan mereka sebagai muslim yang beriman (Man, 2022). Ini selari dengan pandangan Muhaimin (2015) yang menyatakan bahawa syariah lebih tertumpu kepada aspek pelaksanaan manakala *fiqh* untuk mengatasi pelbagai masalah berkaitan undang-undang Islam. Menurutnya lagi, syariah berasal dari al-Quran dan Hadith yang memiliki kebenaran mutlak dan kekal manakala *fiqh* sentiasa berubah mengikut kedinamikan masyarakat dalam menghadapi arus kemajuan serta perkembangan sains dan teknologi.

Qanun dan ‘Urf: Adaptasi Sosio-Budaya dalam Perundangan Islam

Selain itu, istilah yang sering dikaitkan dengan syariah Islam ialah *qanun*. Istilah *qanun* berasal dari bahasa Parsi yang kemudian diserap ke dalam bahasa Arab dengan makna yang merujuk kepada prinsip atau dasar (Hakim, 2021). Sejak abad ke-19 Masihi, penggunaan istilah *qanun* telah berkembang menjadi sinonim dengan takrifan undang-undang yang tertulis yang dikodifikasikan untuk mengatur manusia (Hakim, 2021; Auda, 2022). Secara etimologi, *qanun* diertikan sebagai undang-undang, kaya atau hukum. Pada permulaannya, perkataan tersebut digunakan dalam pengertian garis dan kemudian digunakan dalam aturan. Namun, tidak ramai ahli fiqh Islam yang menggunakan istilah ini berbanding istilah syariah (Hakim, 2021).


Secara terminologi pula, *qanun* adalah undang-undang positif yang diamalkan di suatu wilayah atau negara sebagai rujukan hukuman dan denda yang dikenakan bagi setiap kesalahan yang dilakukan. *Qanun* juga merupakan peraturan formal yang diformulasikan melalui proses legislatif dan diratifikasi oleh badan legislatif contohnya seperti Hukum Kanun Melaka, Hukum Kanun Pahang, Hukum Kanun Brunei, Hukum Kanun Sambas dan lain-lain lagi (Hakim, 2021).

Dalam konteks perundangan di negara-negara Islam, *qanun* ditafsirkan sebagai hasil kodifikasi dari *fatawa* (fatwa-fatwa) fiqh iaitu pandangan dan keputusan hukum yang bersumberkan lebih dari satu mazhab dalam Islam. Contohnya, undang-undang kekeluargaan di Mesir yang kebanyakannya merujuk kepada Mazhab Hanafi. Di samping itu, terdapat juga undang-undang di negara tersebut yang bersumberkan sistem perundangan Barat yang sekular atau dari adat-istiadat setempat yang dikenal sebagai *‘urf*. Sebagai contoh undang-undang Malaysia yang merefleksikan integrasi antara prinsip-prinsip syariah dengan adat resam setempat serta elemen-elemen hukum yang diwarisi dari era kolonialisme Barat (Auda, 2022).

Seterusnya, istilah yang sering digunakan dalam perbahasan undang-undang Islam adalah *‘urf*. *‘Urf* bermaksud adat atau lebih tepat adat yang baik yang diterima oleh masyarakat. Namun, terdapat *‘urf* yang tidak diterima sebagai sumber perundangan Islam kerana *‘urf* tersebut jelas bertentangan dengan mana-mana mazhab dalam Islam (Auda, 2022). Dapatan kajian Muhamad Hilmi (2020), menyimpulkan bahawa istilah *‘urf* dalam undang-undang Islam mengandungi beberapa interpretasi. Pertama, *‘urf* merujuk kepada perbuatan yang dilakukan secara baik. Ini berdasarkan kepada definisi yang dikemukakan oleh al-Raghib (2004) yang menyatakan bahawa *‘urf* berasal daripada perkataan *al-ma’ruf* yang bermaksud perbuatan baik yang diterima oleh akal dan agama.

Selain itu, *‘urf* juga difahami sebagai sesuatu yang sudah diketahui, menjadi kelaziman dan dipandang baik oleh manusia. Oleh yang demikian *‘urf* diterima oleh akal yang rasional sebagai perbuatan yang baik. Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh beberapa orang ulama Islam, dapat disimpulkan bahawa *‘urf* merupakan amalan dan tradisi yang diterima dan dihormati

dalam masyarakat yang selaras dengan akal yang rasional dan prinsip-prinsip agama serta diintegrasikan dalam sistem masyarakat yang turut disebut sebagai adat. Hubung kait antara syariah, *fiqh*, *qanun* dan 'urf dapat digambarkan dalam Rajah 1 **Error! Reference source not found.** berikut:




Rajah 1: Hubungan antara Syariah, *Fiqh*, *Qanun* dan 'Urf.

Sumber: Auda, 2022, *Maqasid al-Shari'ah as philosophy of Islamic law*.

Rajah 1 tersebut menunjukkan hubungan antara elemen-elemen utama dalam sistem perundangan Islam. Dalam kerangka tradisional, syariah merupakan kesatuan holistik yang merangkumi al-Quran dan Hadith serta hukum-hukum *fiqh* yang dihasilkan daripada kedua sumber primer ini. 'Urf pula mempengaruhi pelaksanaan *fiqh* dalam situasi tertentu tetapi hanya berhubung secara minimal sebagaimana ditunjukkan dalam carta. *Qanun* yang merupakan undang-undang tertulis berkemungkinan mengambil elemen dari *fiqh* dan 'urf serta dari sumber lain bagi mencipta satu titik pertemuan di mana ketiga-tiga unsur ini berinteraksi. Ini menggambarkan bagaimana *qanun* boleh menjadi refleksi dari tradisi *fiqh* yang dibentuk oleh nilai-nilai 'urf dan juga pengaruh lain yang diterima di dalam kerangka dan sistem perundangan Islam (Auda, 2022).

Sumber Perundangan Islam: Tetap dan Fleksibel

Sumber perundangan Islam diklasifikasikan ke dalam dua kategori iaitu sumber utama dan sumber sekunder. Sumber utama mengandungi unsur-unsur tetap yang dikenal sebagai *al-thawabit* yang terdiri daripada rukun, asas dan prinsip-prinsip agama yang tidak berubah sampai akhir zaman. Sementara itu, sumber sekunder atau *al-mutaghayyirat* meliputi elemen-elemen hukum yang boleh berubah sesuai dengan situasi dan masa. Hukum yang berubah adalah tertakluk kepada realiti semasa yang berlaku dalam masyarakat khususnya dalam aspek budaya, adat, 'urf serta keperluan masyarakat di sesuatu lokaliti (Man, 2022). Ia bertujuan untuk memelihara kemaslahatan dan kesejahteraan hidup manusia selari dengan *Maqasid al-Syariah*. Komponen *al-mutaghayyirat* mencakupi hukum-hukum yang bersifat *ijtihadi* yang dikembangkan oleh para ulama *fiqh* (Man, 2022). Sumber perundangan Islam boleh dirujuk melalui Rajah 2 berikut:




Rajah 2: Sumber Perundangan Islam

Sumber: Auda, 2022, *Maqasid Al-Shari'ah as philosophy of Islamic law*.

Rajah di atas mengklasifikasikan dalil-dalil hukum Islam ke dalam dua kategori utama iaitu dalil yang disepakati (sumber utama) dan yang tidak disepakati (sumber kedua) (Nazzwardi, 2000). Dalil-dalil seperti al-Quran dan al-Sunnah termasuk dalam dalil yang disepakati dan tidak ada keraguan kerana sumber ini datang daripada Allah S.W.T (Deuraseh, 2000). Sebaliknya, dalil-dalil seperti *ijmak*, *qiyas*, *maslahah* dan lain-lain seperti yang disenaraikan dalam rajah di atas merupakan sumber atau dalil yang sering menimbulkan perdebatan bergantung kepada konteks dan aplikasinya. Carta ini membantu dalam memahami bagaimana bukti-bukti tertentu diterima secara universal sementara yang lain dapat berubah-ubah bergantung pada interpretasi dan aplikasi dalam situasi tertentu (Deuraseh, 2000).

Skop Perundangan Islam dalam Kehidupan

Skop perundangan Islam merangkumi *fiqh ibadat*, *fiqh munakahat*, *fiqh muamalat* dan *fiqh jinayat*. *Fiqh ibadat* mengandungi penerangan berkaitan ibadah manusia (solat, puasa, zakat, haji dan sebagainya). *Fiqh muamalat* pula menekankan tentang perkara halal dan haram dalam urusan jual beli, larangan dalam urusan komersial dan kewangan, jenis kontrak dan klasifikasi harta dan pemilikan. *Fiqh munakahat* merangkumi hukum-hukum yang berkaitan dengan aspek-aspek pernikahan termasuk hukum perceraian, pembahagian warisan, hak asuh anak dan lain-lain. Sementara itu, *fiqh jinayat* mengandungi perkara berkaitan kesalahan jenayah hudud, qisas dan takzir sebagaimana yang disebutkan dalam al-Quran dan al-Sunnah seperti zina, mencuri, merompak, qazaf, minum arak dan murtad (Hassan, 2019). Pembahagian skop perundangan Islam adalah seperti dalam Rajah 3 berikut:




Rajah 3: Skop Perundangan Islam

Sumber: Auda, 2022, *Maqasid Al-Shari'ah as philosophy of Islamic law*; Muhammad, 2015, Falsafah pentadbiran keadilan jenayah syariah: Satu penghayatan semula.

Maqasid Syariah sebagai Prinsip Asas Perundangan Islam

Menurut Jusoh et al. (2017) dan Hassan (2018), konsep perundangan dalam Islam dibina atas prinsip dan asas yang jelas, bertujuan melindungi masyarakat dari perbuatan keji dan menjamin hak individu atau masyarakat. Tujuan utama perundangan Islam adalah memelihara lima aspek utama kehidupan iaitu memelihara kesucian agama Islam, memelihara nyawa, memelihara akal, memelihara nasab dan maruah serta memelihara harta benda. Jusoh et al. (2017) juga menyatakan bahawa *maslahah* dalam hukum Islam dikategorikan kepada beberapa bentuk iaitu *maslahah* tetap seperti larangan terhadap zina, pembunuhan dan murtad; dan *maslahah* berubah seperti hukuman takzir, kadar zakat dan mahar yang berbeza antara negeri di Malaysia. Jalil (2011) dan Auda (2022) pula mengkategorikan *maslahah* menjadi tiga bahagian utama iaitu *maslahah dharuriyyat*, *maslahah hajiyyat* dan *maslahah tahsiniyyat*. Ia dirumuskan sebagaimana Rajah 4 seterusnya:



Rajah 4: Dimensi Tingkat Keperluan Manusia dan Hubungannya dengan Maqasid Syariah

Sumber: Auda, 2022, Maqasid Al-Shari'ah as philosophy of Islamic law.

Rajah 4 di atas menunjukkan *al-maqasid syariah* yang merujuk kepada tujuan atau objektif syariah dalam Islam. *Maqasid al-syariah* dibahagikan kepada tiga kategori utama berdasarkan keperluan manusia iaitu *dharuriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsiniyyat*. *Dharuriyyat* adalah keperluan asas yang wajib dipelihara untuk memastikan kelangsungan hidup dan kesejahteraan umat manusia termasuk memelihara agama, nyawa, harta, akal dan maruah. *Hajiyyat* pula meliputi keperluan yang meringankan kesulitan dan menghilangkan kesukaran dalam kehidupan seharian. *Hajiyyat* tidak setinggi kepentingan *dharuriyyat* tetapi masih diperlukan untuk memelihara kualiti hidup yang baik. Manakala *tahsiniyyat* pula merupakan keperluan tambahan yang memperelok dan menyempurnakan kehidupan manusia dan keperluan hanya sekadar untuk meningkatkan keselesaan dan nilai estetika kehidupan (Rosele et al., 2016). Dalam konteks perundangan Islam, setiap kategori ini membantu membentuk undang-undang dan amalan Islam dengan menetapkan keutamaan dalam perlindungan hak dan keperluan manusia.

Cabaran Persepsi dan Aplikasi Perundangan Islam Kontemporari

Malaysia memiliki sistem dwi-kehakiman yang merangkumi undang-undang sekular (jenayah dan sivil) serta undang-undang syariah yang pelaksanaan dan hubungannya kadang-kala kompleks dan mencetuskan konflik dan ketidakpastian. Ini menunjukkan bahawa perkataan undang-undang mempunyai makna yang pelbagai bergantung pada siapa atau pihak mana yang mentafsirkannya mengikut perspektif dan kepentingan masing-masing. Namun, jelas di sini fungsi undang-undang adalah untuk keadilan, sesuai dengan keadaan dan diterima pakai oleh setiap masyarakat.

Dalam situasi tertentu juga, istilah perundangan syariah mempunyai konotasi yang negatif dalam bahasa Inggeris yang diistilahkan mereka sebagai *Islamic Law* kerana mereka sering menggunakan istilah tersebut dengan merujuk kepada *corporal punishment* (hukuman fizikal) yang dilaksanakan di sebahagian negara Islam. Secara statistik, hukuman ini kebanyakannya telah dilaksanakan terutamanya kepada golongan lemah dan terpinggir dalam masyarakat Arab (Auda, 2022). Hal ini telah mencetuskan polemik tanpa mengira perbahasan perundangan dalam konteks agama Islam yang benar.

Antara isu yang sering dipolemikkan adalah keberkesanan hukuman tersebut sebagai alat untuk pendidikan atau pencegahan jenayah dan lebih membimbangkan lagi apabila ada yang mengaitkan hukuman tersebut dengan hukuman hudud yang jelas sangat berbeza dari aspek pelaksanaannya (Auda, 2022). Sistem perundangan Islam adalah satu sistem perundangan yang syumul yang tidak membebankan penganutnya serta relevan untuk diaplikasikan dalam semua zaman. Ini kerana pelaksanaannya amat mengambil kira keupayaan dan keadaan masyarakat Islam. Penetapan hukum juga adalah bertujuan untuk mendidik si pelaku dan masyarakat umum dan bukan untuk menyakiti semata-mata (Jusoh et al., 2017).

Kesimpulan

Perundangan Islam merupakan suatu sistem hukum universal dan holistik berpaksikan kepada wahyu Ilahi serta bertujuan membentuk keseimbangan antara keperluan rohani dan jasmani manusia. Kajian ini telah menghuraikan peranan serta hubungan antara empat komponen utama dalam struktur perundangan Islam iaitu *fiqh*, *syariah*, *qanun* dan *'urf*, yang masing-masing memiliki peranan tersendiri namun saling melengkapi dalam membentuk satu kerangka hukum yang bersepadu dan fleksibel. *Fiqh* berfungsi sebagai usaha ijtihadi manusia dalam memahami syariah yang tetap dan mutlak sifatnya; qanun pula menjadi instrumen pentadbiran melalui kodifikasi hukum; manakala *'urf* menawarkan nilai-nilai budaya setempat yang diiktiraf selagi tidak bertentangan dengan prinsip syarak.

Kajian ini juga menegaskan bahawa kerangka *maqasid syariah* adalah asas penting dalam menjamin semua komponen ini kekal selari dengan objektif keadilan, rahmah dan kemaslahatan sejagat. *Maqasid syariah* menjadi neraca yang menilai keabsahan dan keberkesanan sesuatu hukum dalam memenuhi lima keperluan utama kehidupan: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dalam menghadapi cabaran kontemporari termasuk persepsi negatif terhadap undang-undang Islam, pendekatan yang holistik dan berasaskan *maqasid* amat diperlukan bagi memastikan sistem perundangan Islam dapat diterapkan secara berkesan, kontekstual dan inklusif.

Oleh itu, artikel ini menyumbang kepada pengukuhan teori perundangan Islam dalam kerangka kontemporari dengan memberikan penjelasan konsep yang tuntas dan praktikal. Ia juga memberi asas bagi wacana lanjut dalam penggubalan dasar, pendidikan undang-undang Islam serta pembangunan sistem kehakiman syariah yang responsif terhadap realiti masyarakat pelbagai dan global pada hari ini.

Rujukan

- ‘Awdah, ‘Abd al-Qadir. t.th. *al-Tashri‘ al-Jina‘i al-Islami muqarinan bi al-Qanun al- Wad‘i*. Dar al-Kitab al-Ghazali.
- Ab Majid, M.Z. (1988). *Sejarah pembinaan hukum Islam*. Kuala Lumpur: UM Press.
- Al-Baydawi., Nasir al-Din. (1969). *Minhaj al-wusul fi ma‘rifat ‘ilm al-usul*. Maktabah wa Matba‘ah Muhammad ‘Ali Sabih wa-Awladhihi.
- Al-Nadwi, ‘Ali Ahmad. (1998). *Al-Qawaid al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dar Al-Qalam.
- al-Qardhawi. (1990). *Madkhal li dirasah al-syari‘ah al-Islamiyyah*. Maktabah Wahbah.
- al-Qardhawi. (1993). *Min hady al-Islam fatawa Mu‘asirah*. Juzuk 2. Cetak ke-2. t.tp.: *Dar al-Wafa‘*.
- Auda, J. (2022). *Maqasid Al-Shari‘ah as philosophy of Islamic law*. International Institute of Islamic Thought (IIIT), Diakses pada 21 Jun 2023, dari, <https://play.google.com/books/reader?id=5sKQF16gdWgC&pg=GBS.PR5&hl=en>
- Deuraseh, N. (2015). Islam: Faith, shari‘ah and civilization an interpretation for better civilization. Kuala Lumpur: Attin Press Sdn. Bhd.
- Hakim, M. L. (2021). Shari‘a, fiqh, and qanun: A portrait of the cognitive nature of Islamic law in Indonesia. *Asy-Syir‘ah: Jurnal Ilmu Syari‘ah dan Hukum*, 55(1), 25-48. Doi: <https://doi.org/10.14421/ajish.v55i1.953>
- Hassan, M. K. (2019). Shariah and its meaning in Islam. In *Concept and application of shariah for the construction industry: Shariah compliance in construction contracts, project finance and risk management* (pp. 3-13). Diakses pada 20 Januari 2022, dari https://www.worldscientific.com/doi/abs/10.1142/9789813238916_0001
- Hassan, M.K. (2015) Understanding the Shari‘ah and its place in the Muslim communities of Southeast Asian countries: A Muslim-Malaysian perspective. In *International of Symposium on Sharia in Asia-Pacific: Islam, Law and Politics 2015*, 25th-27th August 2015, New Zealand.
- Ibn Nujaym al-Hanafi, Zayn al-Din ibn Ibrahim ibn Muhammad al-Misri. (1997). *al- Bahr al-ra‘iq sharh kanz al-daqa‘iq fi furu‘ al-Hana‘fiyah li- ‘Abd Allah ibn Ahmad ibn Mahmud al-ma‘ruf bi-Hafiz al-Din al-Nasafi*. Dar al-Kutub al-‘Ilmiyah.
- Jusoh @Yusoff, M. M., Sarip, M. M., & Wan Ismail, W. A. F. (2018). Kelangsungan syariat Islam menerusi perundangan Malaysia. *Al-Hikmah*, 10(1), 95-118. Diakses pada 1 Mac 2022, dari <https://spaj.ukm.my/jalhikmah/index.php/jalhikmah/article/view/293>
- Jusoh, M.M., Sarip, M.M., Wan Ismail, W.A.F., Jamsari, E.A. & Che Noh, N. (2017). Kelangsungan Syariat Islam Menerusi Perundangan Malaysia. *South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law*, Vol. 13, Issue 4(August) ISSN 2289-1560. Diakses pada 20 Mac 2023, dari <https://seajbel.com/wp-content/uploads/2017/11/LAW-262.pdf>
- Kamarudin, S.F. (2015). *Manuskrip Undang-Undang Kedah: Kajian unsur-unsur etnografi Islam*. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Dan Tamadun Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Diakses pada 20 Januari 2022, dari http://studentsrepo.um.edu.my/5342/1/MANUSKRIP_UNDANG.pdf
- Man, S. (2022). *Fiqh semasa: Konsep dan aplikasinya*. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, Diakses pada 20 Jun 2023, dari https://www.jais.gov.my/wp-content/uploads/2023/12/ARTIKEL-FIQH-SEMASA_new.pdf
- Md. Ali, A. W., Ghani, M. H., & Wan Chik, W. M. Y. (2022). Metodologi pendefinisian ilmu maqasid syariah: Methodology of defining maqasid shariah. *KQT EJurnal*, 2(2), 69–80. Diakses pada 1 Januari 2023, dari <http://ejurnal.kqt.edu.my/index.php/kqt-ojs/article/view/63>
- Muhaimin, A.W.A. (2015). Aktualisasi syariah dan fikih dalam menyelesaikan pelbagai

- persoalan hukum. *Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah* 15, no. 2 (2015). <https://doi.org/10.15408/ajis.v15i2.2868>.
- Muhammed, M.N., & Ali, M.M. (2017). The shariah and law: An analysis. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(5), 48-64.
- Nazzwardi, A.B.A. (2000). Muqaddimah pengajian Islam. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Nurhayati, N. (2018). Memahami Konsep syariah, fikih, hukum dan ushul fikih. *Jurnal Hukum Ekonomi Syariah*, 2(2), 124-134. Diakses pada 13 mei 2023, dari <https://doi.org/10.26618/j-hes.v2i2.1620>
- Rosele, M. I., Meerangani, K. A., Harun, M. S., & Ariffin, M. F. M. (2021). Ijtihad semasa di Malaysia: Tinjauan terhadap konsep dan keperluannya (Current ijihad in Malaysia: A review on its concept and urgency). *UMRAN- International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 8(3), 15-28.
- Rosele, M.I., Abdullah, L. & Ali, A.K. (2016). Fiqh kehartaan menurut perspektif maqasid al-shari'ah. Dlm. Luqman Abdullah, Rushdi Ramli & Nor Fahimah Mohd Razif. *Maqasid al-Shariah: Aplikasi dalam aspek muamalat dan kehartaan*. Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Tanya, B. L. (2015). Pengembangan epistemologi ilmu hukum. Dlm. *Seminar Nasional Pengembangan Epistemologi Ilmu Hukum*, Diakses pada 20 Januari 2023, dari <https://publikasiilmiah.ums.ac.id/bitstream/handle/11617/5657/4.Bernard%20L..pdf?sequence=1>
- Yaacob, A.M. (2009). Pelaksanaan Perundangan Islam di Malaysia: Satu Penilaian. Dlm. *Jurnal Fiqh*, No. 6 (2009), hlm. 1-20.
- Zakaria, Z. I., & Nasohah, Z. (2019). Cabaran pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang jenayah Syariah di Negeri Melaka: The challenges of implementing the enforcement of syariah criminal law in Malacca. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 7(2), 13-26. <https://doi.org/10.33102/mjsl.v7i2.188>.